مركز التواصل الدولي
CENTER FOR INTERNATIONAL
COMMUNICATION

# 1.497 juta Jemaah Telah Tiba untuk Menunaikan Ibadah Haji

**Kerajaan Arab Saudi menjangka ketibaan kira-kira dua juta Jemaah antarabangsa musim ini**

**Jeddah, 27 Ogos** – Kerajaan Arab Saudi setakat ini telah menerima ketibaan seramai 1.497 juta Jemaah yang telah mula berkumpul di Kota Suci itu sebagai persediaan untuk mengerjakan ibadah Haji musim ini yang akan bermula pada 30 Ogos 2017.

Secara keseluruhan, kira-kira dua juta Jemaah daripada seluruh dunia dijangka melawat Kota Suci Mekah tahun ini, menjadikan perhimpunan tahunan itu sebagai yang terbesar dan bagi kebanyakan umat Islam, ini adalah ibadah kemuncak bagi pembangunan rohani mereka.

Sebagai salah satu daripada lima Rukun Islam, menunaikan Ibadah Haji di Mekah, adalah wajib bagi umat Islam yang berkemampuan daripada segi fizikal dan kewangan sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka. Ibadah Haji adalah bertujuan untuk membersihkan jiwa dan memupuk semangat kesamaan serta perpaduan dalam kalangan umat Islam, sebagai cara untuk berserah kepada yang Maha Esa.

Kerajaan Arab Saudi bertanggungjawab menyelenggara ibadah Haji setiap tahun, di bawah pengawasan langsung Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman bin Abdulaziz dan Putera Mahkota Mohamad bin Salman; satu usaha logistik mega yang bakal dipikul sehingga 4 September 2017.

**Jemaah Haji antarabangsa untuk musim Haji 2017**

Bilangan Jemaah Haji antarabangsa bertambah saban tahun, daripada hanya 24,000 jemaah pada 1941, jumlah ini meningkat kepada 1.325 juta pada 2016. Pada tahun lepas, seramai 1.86 juta Jemaah menjalankan ibadah Haji termasuk Jemaah tempatan daripada Arab Saudi sendiri.

**Lebih daripada 80 negara**

Pegawai Saudi yang bertugas bersedia untuk menerima kemasukan Jemaah Haji yang besar tahun ini – para Jemaah juga akan melawat Kota Suci Madinah. Pasukan Haji yang bertugas boleh bertutur lebih daripada satu bahasa untuk memastikan keperluan para Jemaah dipenuhi.

**Mina, kota khemah terbesar**

Mina juga dikenali sebagai Kota Khemah kerana menempatkan berpuluh ribu khemah berhawa dingin sebagai penginapan sementara untuk para Jemaah Haji tahun ini. Mina terletak di antara gunung Arafat dan Masjid Besar Mekah. Khemah-khemah disusun secara sistematik mengikut barisan dan dikumpulkan di kawasan yang dilabel dengan nombor dan warna berdasarkan negara asal para Jemaah. Setiap Jemaah diberikan lencana yang lengkap dengan nombor dan warna khemah mereka untuk membantu mereka mencari khemah sekiranya tersesat. Sebagai langkah untuk mencegah kebakaran, khemah-khemah dibina daripada polimer Teflon bersalut gentian kaca, dan dilengkapi dengan sistem pemercik dan alat pemadam kebakaran.

**Lebih daripada 17,000 anggota pertahanan awam ditempatkan untuk berkhidmat kepada jemaah haji**

Lebih 17,000 anggota terlatih, disokong dengan 3,000 kenderaan berteknologi terkini ditempatkan untuk memastikan keselamatan jemaah berada pada tahap yang tertinggi.

**300 ambulans darat, 30 motosikal, 113 pusat ambulans dan 8 ambulans udara**

Lebih daripada 2,000 anggota Pihak Berkuasa Bulan Sabit Merah Saudi ditugaskan di Mekah, Madinah dan kawasan ibadah yang lain untuk menyediakan perkhidmatan ambulans kepada para Jemaah ketika musim Haji tahun ini.

---


**Hubungan Media**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pusat Komunikasi Antarabangsa (CIC), Kementerian Kebudayaan dan Maklumat, Kerajaan Arab Saudi; Telefon: +966 59 545 5467, E-mel: cic@moci.gov.sa, Twitter @CICSaudi